

RINGKASAN EKSEKUTIF

KERTAS CADANGAN	:	Permohonan Kelulusan Bajet Operasi bagi Perkhidmatan Penyewaan Mesin Penapis Air di Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia Wilayah Sabah (MPC SBO).
TUJUAN	:	Kertas cadangan adalah untuk mendapatkan kelulusan BOM untuk peruntukan bajet operasi perkhidmatan penyewaan mesin penapis air di MPC SBO bermula dari 22hb Jun 2021 sehingga 21hb Jun 2026.
LATAR BELAKANG	:	Pejabat MPC SBO telah menggunakan bajet operasi sebanyak RM 8,460.00 untuk tempoh lima (5) tahun dari tahun 2016-2021 bagi perkhidmatan penyewaan mesin penapis air. Pejabat MPC SBO telah menggunakan khidmat syarikat penyewaan mesin penapis air dengan satu kali penyelenggaraan dalam setiap dua (2) bulan untuk tempoh masa lima (5) tahun.
ANGGARAN KOS	:	Cadangan ini akan melibatkan kos sebanyak RM 6,420.00 bagi tempoh lima (5) tahun.
LEBIHAN PERUNTUKAN BAJET/ TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN
LEMBAGA PENGURUSAN

TAJUK:

Permohonan Kelulusan bajet operasi bagi Perkhidmatan Penyewaan Mesin Penapis Air di Pejabat Perbadanan Produktiviti Malaysia Wilayah Sabah (MPC SBO).

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan kertas cadangan ini adalah untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan MPC bagi peruntukan bajet operasi perkhidmatan penyewaan mesin penapis air di MPC SBO bermula dari 22hb Jun 2021 sehingga 21hb Jun 2026.

2.0 LATAR BELAKANG / JUSTIFIKASI

- 2.1 Pejabat MPC SBO telah menggunakan bajet operasi sebanyak RM 8,460.00 untuk tempoh lima (5) tahun dari tahun 2016-2021 bagi perkhidmatan penyewaan mesin penapis air.
- 2.2 Pejabat MPC SBO telah menggunakan khidmat syarikat penyewaan mesin penapis air dengan satu kali penyelenggaraan dalam setiap dua (2) bulan untuk tempoh masa lima (5) tahun.
- 2.2 Bagi kontrak yang baharu, MPC SBO memohon untuk kontrak untuk satu kali penyelenggaraan untuk setiap dua (2) bulan dalam masa lima (5) tahun dengan kos sebanyak RM 6,420.00.

3.0 ANGGARAN KOS

- 3.1 Cadangan perkhidmatan penyewaan mesin penapis air di MPC SBO akan melibatkan kos sebanyak RM 6,420.00 untuk satu kali penyelenggaraan dalam setiap dua (2) bulan yang akan dilaksanakan dalam masa lima tahun. Tempoh perkhidmatan penyewaan adalah dari 22hb Jun 2021 sehingga 21hb Jun 2026.

4.0 SYOR PERKHIDMATAN

- 4.1 MPC SBO memohon pertimbangan daripada pihak Lembaga Pengurusan MPC untuk meluluskan bajet operasi bagi perkhidmatan penyewaan mesin penapis air dengan jumlah kos operasi sebanyak **RM6,420.00** untuk tempoh lima tahun bermula dari 22hb Jun 2021 sehingga 21hb Jun 2026.

	Disediakan	Disemak dan Disahkan
Tandatangan		
Nama	Ingrid Ng Edy	Mokhzani Aris Mohd Yusoff
Jawatan	Penolong Pengurus MPC Wilayah Sabah	Pengarah MPC Wilayah Sabah
Tarikh	17/05/2021	17/05/2021

PERBANDINGAN KADAR PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN PENAPIS AIR

Nama pembekal/ Spesifikasi	Sebut Harga 1	Sebut Harga 2	Sebut Harga 3	Perkhidmatan Penyewaan Mesin Penapis Air semasa
Sewa Sebulan (RM)	RM107.00	/	RM175.00	RM141.00
Bilangan Penyelenggaraan	Sekali setiap dua bulan	Sekali setiap dua bulan	Sekali setiap bulan	Sekali setiap dua bulan
Jumlah kos dalam tempoh lima (5) tahun	RM 6,420.00	RM 7,100.00	RM 10,500.00	RM 8,460.00